

## TERMA DAN SYARAT

Dengan mendaftar untuk Business Access ("BA"), Pelanggan yang Layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat berikut ("Terma & Syarat").

### 1. Kelayakan

- 1.1. BA tersedia kepada pelanggan perbankan perniagaan (tidak termasuk perbankan runcit) yang mempunyai Akaun Semasa ("CA") dengan OCBC Bank (Malaysia) Berhad dikenali sebagai "Bank". Pelanggan yang mempunyai sebarang akaun (termasuk pembiayaan) yang tidak memenuhi keperluan Bank mungkin atas budi bicara mutlak Bank kehilangan kelayakan untuk BA.
- 1.2. CA yang baru dibuka mesti mempunyai deposit permulaan /baki lejar akaun minimum sebanyak RM 50,000.00, melainkan pengecualian dibenarkan mengikut budi bicara mutlak Bank untuk CA ditambah dalam tempoh sembilan puluh (90) hari ("Had Masa") dari tarikh pembukaan CA. Jika baki CA kekal sifar selepas Had Masa, pelanggan kehilangan kelayakan untuk BA, dan Bank berhak untuk menamatkan CA dengan notis awal kepada pelanggan.
- 1.3. Bank berhak seluruhnya untuk menyemak kelayakan pelanggan bagi BA dari semasa ke semasa. Kehilangan kelayakan mengembalikan ciri dan harga CA pelanggan dan perkhidmatan berkaitan kepada kadar standard/kaunter Bank yang biasa dan lazim. Sebarang faedah promosi untuk CA akan menjadi tidak tersedia pada setiap hari atau selepas kelayakan hilang. Bank berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk menuntut pembayaran balik faedah promosi yang dibayar untuk setiap hari yang tidak layak.
- 1.4. CA dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 untuk setiap pendeposit.

### 2. Fi Akaun Bulanan

- 2.1. RM20.00 jika baki purata bulanan akaun adalah kurang daripada RM 50,000.00; atau
- 2.2. RM10.00 jika baki purata bulanan akaun adalah RM 50,000.00 atau lebih

### 3. OCBC Business Access

- 3.1. Tertakluk kepada Terma dan Syarat ini, atas kelulusan Bank terhadap permohonan pelanggan, dan selagi pelanggan tidak kehilangan kelayakan untuk BA, pelanggan menikmati ciri dan harga produk BA seperti yang diringkaskan di bawah:

<b>Manfaat Akaun (Semua fi dan caj adalah termasuk GST)</b>	
<b>Akaun Semasa Perniagaan</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kadar faedah promosi</li> </ul>	Tertakluk kepada tempoh tawaran dan kriteria yang ditetapkan mengikut budi bicara mutlak Bank pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa. Melainkan Bank menyatakan sebaliknya, kadar faedah promosi dikira setiap hari berdasarkan baki penutup harian dan dikreditkan ke dalam CA pada akhir bulan. Kadar faedah promosi (jika ada) tertakluk pada semakan atas budi bicara mutlak Bank dari semasa ke semasa dan pada bila-bila masa termasuk menamatkan atau menukar kadar ini tanpa notis awal kepada pelanggan.
<b>Perbankan Internet</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Fi langganan bulanan</li> <li>• OCBC OneToken</li> </ul>	Diketepikan Percuma 2 OCBC OneToken selepas mendaftar sahaja. OCBC OneToken tambahan ialah RM40.00 setiap satu.
<b>eAlerts Pemberitahuan SMS (SP2)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Fi langganan bulanan</li> </ul>	Diketepikan untuk 1 pengguna 1 akaun sahaja
<b>Bengkel Pengurusan Tunai</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Latihan berkumpulan</li> </ul>	Diketepikan
<b>Manfaat dan Tambahan Lain (Semua fi dan caj adalah termasuk GST)</b>	
<b>GIRO</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Fi transaksi</li> <li>• Penyerahan kepada badan berkanun</li> </ul>	RM0.10 setiap transaksi melalui perbankan internet Diketepikan
<b>RENTAS</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Fi transaksi</li> </ul>	RM2.00 setiap transaksi melalui perbankan internet
<b>Pindahan Telegraf (Kos pindah kawat)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• SGD &amp; IDR</li> <li>• Mata wang lain</li> </ul>	RM5.00 setiap transaksi melalui perbankan internet RM20.00 setiap transaksi melalui perbankan internet
<b>OCBC Connect (Direct Debit)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Fi transaksi</li> <li>• Fi pemrosesan Borang DDA</li> </ul>	Tiada fi transaksi untuk 1,000 kutipan CA pertama melalui perbankan internet RM2.00 setiap penghantaran boleh dibayar kepada PayNet

### 3.2. GIRO

- 3.2.1. Transaksi GIRO melalui perbankan internet dikenakan bayaran sebanyak RM0.10 setiap transaksi bagi setiap akaun. Bank berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk menyemak kadar ini dari semasa ke semasa.
- 3.2.2. Selain itu, tiada caj dikenakan untuk penyerahan kepada badan berkanun berikut:
  - Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)
  - Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN)
  - Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
  - Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-WP)

### 3.3. OCBC Connect (Direct Debit)

- 3.3.1. Tiada fi transaksi untuk 1,000 kutipan CA pertama melalui perbankan internet dalam tahun kalendar sahaja. Bank berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk menyemak kadar ini dari semasa ke semasa.
- 3.3.2. Fi pemrosesan borang DDA sekali sahaja sebanyak RM2.00 setiap penyerahan perlu dibayar kepada PayNet.

### 3.4. OCBC Velocity (perbankan internet)

- 3.4.1. Tiada fi langganan bulanan untuk OCBC Velocity. Bank berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk menyemak kadar ini dari semasa ke semasa.
- 3.4.2. Pelanggan yang mendaftar untuk BA hendaklah memilih 1 daripada pakej berikut:
  - Basic Plus;
  - Classic 1; atau
  - Classic 2
 Pelanggan yang layak mendapat dua (2) OCBC OneToken (token digital) percuma bagi setiap akaun selepas mendaftar sahaja. OCBC OneToken berikutnya berharga RM40.00 setiap satu.

### 3.5. eAlerts

- 3.5.1. Tiada caj untuk e-mel dan pemberitahuan SMS Pakej Perkhidmatan 2. eAlerts terdiri daripada yang berikut:
  - Baki akaun harian yang tersedia
  - Tambah nilai dana
  - Cek yang didepositkan dijelaskan
  - Cek dikembalikan masuk dan keluar
  - Cek Dikeluarkan
  - Dana Masuk
  - Dana Keluar
- 3.5.2. Yuran langganan bulanan eAlerts diketepikan untuk satu pengguna satu akaun untuk Pakej Perkhidmatan 2 semasa mendaftar. Fi dan caj standard akan dikenakan untuk pengguna atau akaun tambahan.
- 3.5.3. Bank berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk menyemak kadar ini dari semasa ke semasa.

- 3.6. Pindahan Telegraf (TT)
    - 3.6.1. Transaksi Pindahan Telegraf yang dilakukan melalui perbankan internet boleh menikmati diskaun sehingga 50% ke atas kos pindah kawat pindahan telegraf. Caj biasa akan dikenakan untuk transaksi melalui penyerahan cawangan.
    - 3.6.2. Kos pindah kawat untuk pindahan telegraf dicaj pada RM20.00 setiap transaksi untuk semua mata wang kecuali SGD & IDR melalui perbankan internet. Kedua-dua SGD & IDR dikenakan bayaran sebanyak RM5.00 setiap transaksi melalui perbankan internet.
    - 3.6.3. Kos pindah kawat adalah tertakluk kepada perubahan. Bank berhak atas budi bicara mutlaknyanya untuk menyemak semula kadar ini dari semasa ke semasa. Pelanggan boleh mengikut Pusat Perkhidmatan Pelanggan Perbankan Perniagaan OCBC Bank ("BBCSC") di 03 8317 5200 (OCBC Bank) untuk mendapatkan kadar terbaru.
  - 3.7. RENTAS
    - 3.7.1. Transaksi RENTAS yang dilakukan melalui perbankan internet dikenakan bayaran sebanyak RM2.00 setiap transaksi bagi setiap akaun.
    - 3.7.2. Bank berhak mengikut budi bicara mutlaknyanya untuk menyemak kadar ini dari semasa ke semasa.
  - 3.8. Bengkel Pengurusan Tunai:
    - 3.8.1. Bengkel Pengurusan Tunai disediakan seperti berikut:
      - Latihan berkumpulan: akan dijalankan melalui WebEx, latihan maya melalui aplikasi dalam talian.
    - 3.8.2. Tiada caj dikenakan bagi latihan kumpulan. Kapasiti minimum ialah tiga (3) orang setiap sesi. Kapasiti maksimum sesi latihan bergantung kepada ketersediaan ruang di Webex.
    - 3.8.3. Pengisian latihan merangkumi GIRO, Direct Debit dan perbankan Internet dan mungkin berbeza dari semasa ke semasa mengikut keperluan pelanggan.
  - 3.9. Perbankan Telefon Korporat
    - 3.9.1. Pelanggan boleh menelefon Pusat Perkhidmatan Komersial Perbankan Perniagaan untuk pertanyaan:
      - OCBC Bank: (603) 8317 5200
    - 3.9.2. Waktu operasi perkhidmatan Perbankan Telefon Korporat adalah dari jam 9:00 pagi hingga 6:00petang, Isnin hingga Jumaat.
  - 3.10. Dengan melanggan BA, pelanggan layak yang memenuhi syarat penyertaan berhak untuk menerima harga istimewa yang dinyatakan dalam Fasal 3.1 tertakluk pada terma dan syarat berikut:
    - 3.10.1. Akaun dan Perkhidmatan – Terma dan Syarat Utama;
    - 3.10.2. Terma dan syarat Perkhidmatan Pengurusan Tunai bagi OCBC Bank;
    - 3.10.3. Terma dan Syarat Antara Bank GIRO;
    - 3.10.4. Terma dan Syarat Perbankan Internet;
    - 3.10.5. Terma dan Syarat Pindahan Telegraf (TT); dan
    - 3.10.6. Terma dan Syarat RENTAS.
- 4. Syarat Am**
- 4.1. BA tidak sah bersama sebarang promosi, tawaran istimewa, kempen, dan program lain oleh Bank.
  - 4.2. Bank berhak atas budi bicara mutlaknyanya untuk mendebitkan daripada akaun pelanggan dengan OCBC Bank yang mana dianggap sesuai, sebarang yuran bank dan/atau yuran berkanun yang dikenakan, duti setem, komisen dan/atau caj perkhidmatan, pembayaran balik dan/atau sebarang pembayaran balik faedah promosi.
  - 4.3. Bank berhak atas budi bicara mutlaknyanya untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan BA pada bila-bila masa sepenuhnya atau sebahagiannya, atau untuk mengubah, memotong atau menambah sebarang terma dan syarat di dalam ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis terlebih dahulu, iaitu dengan memaparkannya di laman web Bank di ([www.ocbc.com.my](http://www.ocbc.com.my)), atau menerusi apa jua cara lain yang dianggap sesuai oleh Bank. Setiap pelanggan dengan ini bersetuju untuk mengunjungi laman web yang dinyatakan di dalam ini dari semasa ke semasa untuk menyemak terma dan syarat perkhidmatan dan untuk memastikan bahawa pelanggan mendapat maklumat terkini tentang sebarang perubahan kepada terma dan syarat ini. Pelanggan tidak berhak untuk membuat sebarang tuntutan pampasan terhadap Bank bagi semua dan sebarang kerugian dan kerosakan walau bagaimanapun dialami atau ditanggung oleh pelanggan, sama ada secara langsung atau tidak langsung bagi sebarang penarikan balik, pembatalan, penggantungan, pelanjutan atau penamatan BA atau sebarang perubahan, pemotongan atau penambahan kepada mana-mana terma dan syarat di dalam ini.
  - 4.4. Terma dan Syarat ini akan ditadbir di bawah dan ditafsir menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Akaun bersetuju untuk terikat kepada bidang kuasa tidak eksklusif Mahkamah Malaysia.